

## **Soalan-Soalan Lazim (FAQ) Terhadap Duti Eksais Ke Atas Minuman Bergula**

S1. Apakah itu Duti Eksais?

**J1. Duti Eksais adalah duti yang dikenakan ke atas barangan yang tertakluk kepada duti eksais di bawah Perintah Duti Eksais 2017 sama ada ianya diimport atau dikilangkan oleh kilang-kilang dalam negara.**

S2. Apakah itu Minuman Bergula?

**J2. Minuman Bergula adalah minuman yang mengandungi gula samada ianya di tambah atau wujud secara semulajadi dalam minuman tersebut. Dalam Bahasa Inggeris ia juga disebut sebagai *Sweetened Beverages*.**

S3. Mengapakah duti eksais ke atas minuman bergula dikenakan?

**J3. Duti Eksais ke atas minuman bergula dikenakan untuk mengurangkan kobolehdapatan serta masalah kesihatan terutamanya masalah obesiti dan penyakit tidak berjangkit (Non-Communicable Diseases) di kalangan penduduk Malaysia.**

S4. Siapakah yang harus membayar duti eksais ke atas minuman bergula?

**J4. Duti eksais hendaklah dibayar oleh pengimport dan juga pengilang-pengilang tempatan minuman bergula.**

S5. Apakah jenis minuman bergula yang dikenakan Duti Eksais?

**J5. Minuman Bergula yang dikenakan Duti Eksais adalah minuman yang jatuh di bawah kepala 2009 dan 2202 yang mengandungi kandungan *total sugars* melebihi dari nilai ambang (*threshold*) yang ditetapkan dan sedia untuk diminum.**

S6. Apakah kadar duti eksais ke atas minuman bergula?

**J6. Duti eksais yang dikenakan ke atas minuman bergula adalah pada kadar spesifik RM 0.40/liter.**

S7. Apakah nilai ambang dan contoh-contoh untuk minuman-minuman tersebut?

**J7. Nilai ambang untuk minuman dan contoh-contoh minuman bergula tersebut adalah seperti jadual berikut:**

Kepala Kod Tarif	Kategori	Nilai ambang <i>total sugars</i>	Kadar Duti Eksais	Contoh
2009	Jus buah-buahan, jus sayur-sayuran	12 gram/100 ml	RM 0.40/liter	Jus Oren, Jus Limau, Jus Buah-Buahan Campur
2202	a) Minuman bergas minuman tidak-beralkohol kecuali produk minuman berasaskan susu yang mengandungi laktosa	5 gram/100 ml	RM 0.40/liter	Minuman Cola, Minuman Bertenaga, Minuman Bergas Dalam Tin, Teh bunga dalam kotak, Minuman Isotonik, Minuman Kopi dalam tin
	b) Minuman berasaskan susu yang mengandungi laktosa	7 gram/100 ml	RM 0.40/liter	Minuman susu berperisa coklat.

S8. Apakah yang dimaksudkan dengan minuman yang sedia untuk diminum (*ready to drink*)?

**J8. Minuman yang sedia untuk diminum (*ready to drink*) adalah bermaksud minuman tersebut sedia untuk diminum tanpa melalui proses seterusnya seperti pembancuhan, pemanasan dan sebagainya tanpa mengambilkira bentuk pembungkusannya.**

S9. Apakah minuman bergula yang dikecualikan dari dikenakan duti eksais?

**J9. Terdapat 2 keadaan dimana duti eksais dikecualikan iaitu minuman bergula yang:**

- i. mengandungi kandungan gula sama atau di bawah dari nilai ambang (*threshold*) kandungan gula (*total sugars*).
- ii. tidak sedia untuk diminum (*not ready to drink*).

- S10. Saya adalah pengilang yang mengeluarkan produk minuman bergula. Perlukah saya dilesenkan?
- J10. Ya. Anda perlu dilesenkan di bawah Seksyen 20 Akta Eksais 1976 dan perlu mematuhi syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan.**
- S11. Berapakah bayaran lesen eksais untuk mengilang minuman bergula?
- J11. Bayaran lesen untuk mengilang minuman bergula adalah RM 200.00 setahun.**
- S12. Saya juga mempunyai gudang untuk menyimpan minuman bergula. Adakah gudang saya perlu dilesenkan?
- J12. Gudang tersebut perlu dilesenkan di bawah Seksyen 25 Akta Eksais 1976 jika ia berada di premis yang berasingan dari kilang. Jika gudang tersebut berada di dalam premis mengilang yang sama, ia tidak perlu dilesenkan.**
- S13. Sekiranya ia perlu dilesenkan, berapakah bayaran lesen gudang tersebut?
- J13. Bayaran lesen gudang adalah RM 2,400.00 setahun.**
- S.14. Saya adalah seorang peniaga pasar malam yang mengisar batang tebu menjadi pati air tebu. Pati air tebu tersebut kemudiannya dibancuh dengan air, gula dan ais untuk dijadikan minuman air tebu yang dijual dalam beg plastik ikat tepi kepada pelanggan. Adakah saya perlu dilesenkan di bawah Akta Eksais 1976 dan sama ada saya perlu membayar duti eksais?
- J.14 Anda tidak perlu dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta Eksais 1976. Oleh kerana anda tidak dilesenkan, maka air minuman tebu tersebut tidak dikenakan duti eksais.**
- S.15 Disamping menjual air tebu, saya juga menjual air kelapa dan jus pegaga dalam beg plastik ikat tepi. Adakah ia tertakluk kepada duti eksais?
- J.15 Anda tidak perlu dilesenkan dan tidak tertakluk kepada duti eksais.**
- S.16 Saya juga membancuh kordial oren dengan air dan gula untuk dijual di pasar tani pada hari minggu dan membungkusnya dalam cawan plastik. Adakah saya tertakluk kepada duti eksais?
- J.16 Anda tidak perlu dilesenkan dan tidak tertakluk kepada duti eksais.**

S.17 Sekiranya saya adalah seorang pengilang yang mengeluarkan air minuman tebu yang ditinkan dalam tin standard bersaiz 350ml, adakah saya perlu dilesenkan?

**J.17 Anda perlu dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta Eksais 1976 sekiranya minuman tersebut sedia untuk diminum dan kandungan gula dalam minuman yang ditinkan tersebut adalah melebihi nilai ambang yang ditetapkan iaitu 5g/100ml.**

S.18 Syarikat ABC adalah pengilang minuman bergula yang dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta Eksais 1976 . Ia mengimport bahan mentah iaitu *grape concentrate* yang jatuh di bawah kod tarif 2009.69.0000. Adakah syarikat layak mendapat pengecualian duti eksais ke atas pengimportan *grape concentrate* ini?

**J.18 Ya. Syarikat layak mendapat pengecualian di bawah Butiran 38, Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan) (No.2) 2019 ke atas pengimportan *grape concentrate* tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.**

S.19 Syarikat B Sdn. Bhd. yang dilesenkan di bawah sek 20, Akta Eksais 1976 membawa keluar 10,000 tin minuman soya (isipadu 330ml setiap tin) yang mengandungi kandungan *total sugar* 12 g/100ml dari kilang pada 20 Julai 2019. Nilai jualan yang terlibat adalah sebanyak RM 5,000.00. Berapakah duti eksais dan cukai jualan yang perlu dibayar oleh syarikat ini ?

**J.19 Minuman ini jatuh di bawah kod tarif 2202.99.2000 dengan kadar duti eksais RM0.40/liter dan cukai jualan 10%**

$$\begin{aligned}\text{Duti eksais} &= \text{Kuantiti (liter)} \times \text{kadar duti eksais} \\ &= (10,000 \times 330/1000) \text{ liter} \times \text{RM } 0.40 \text{ per litre} \\ &= 3,300 \text{ liter} \times \text{RM } 0.40 \text{ per litre} \\ &= \text{RM } 1,320.00\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Cukai Jualan} &= (\text{Nilai Jualan} + \text{Duti Eksais}) \times \text{Kadar Cukai} \\ &= (\text{RM } 5,000.00 + \text{RM } 1,320.00) \times 10\% \\ &= \text{RM } 6,320 \times 10\% \\ &= \text{RM } 632.00\end{aligned}$$

S.20 Syarikat C Sdn. Bhd. mengimport 20,000 tin minuman bergula (isipadu 350ml setiap tin) di bawah kod tarif 2202.10.9000 yang mengandungi kandungan *total sugar* 7g/100ml pada 30 Julai 2019. Nilai kastam yang terlibat adalah sebanyak RM 10,000.00. Berapakah duti import, duti eksais dan cukai jualan yang perlu dibayar oleh syarikat ini?

**J.20 Minuman bergula di bawah kod tarif 2202.99.2000 adalah berduti import 20%, duti eksais RM0.40/liter dan cukai jualan 10%)**

**Duti Import = Nilai Kastam x kadar duti import**

**= RM 10,000.00 x 20%**

**= RM 2,000.00**

**Duti eksais = Kuantiti (liter) x kadar duti eksais**

**= (20,000 x 350/1000) liter x RM 0.40 per litre**

**= 7,000 liter x RM 0.40 per litre**

**= RM 2,800.00**

**Cukai Jualan = (Nilai Kastam + Duti Import + Duti Eksais) x Kadar  
Cukai Jualan**

**= (RM 10,000.00 + RM 2,000.00 + RM 2,800.00) x 10%**

**= RM 14,800 x 10%**

**= RM 1,480.00**

S.21 Syarikat ABC telah tersalah membayar duti eksais ke atas pengimportan bahan mentah *grape concentrate* sebanyak RM 2,000.00. Bahan mentah ini sepatutnya mendapat pengecualian di bawah Butiran 38, Perintah Duti Eksais (Pengecualian)(Pindaan)(No.2) 2019. Bolehkan syarikat menuntut pembayaran balik duti eksais yang tersalah bayar tersebut? Jika boleh, apakah syarat-syarat dan dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan?

J.21 Duti eksais yang tersalah bayar sebanyak RM 2,000.00 tersebut boleh dituntut balik di bawah peruntukan seksyen 13 Akta Eksais 1976.

**Syarat-syaratnya adalah:**

- i. Tuntutan adalah dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah melalui Unit Tuntutan, Cawangan Perkhidmatan Teknik di negeri di mana pengimportan dibuat.**
- ii. Tuntutan perlu dibuat dalam masa satu (1) tahun dari tarikh pembayaran duti.**
- iii. Penuntut mengemukakan bukti bahawa duti eksais tersebut telah tersalah bayar.**

**Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah:**

- i. Borang JKDM No.2 (Pin.1/2018) yang lengkap diisi dan ditandatangani.(Sila rujuk 'borang' dalam portal rasmi MyExcise)**
- ii. Borang Kastam No. 1**
- iii. Bukti bayaran (cetakan resit bayaran duti/cukai)**
- iv. Dokumen-dokumen sokongan seperti invois, packing list dan maklumat mengenai barangan tersebut.**
- v. Dokumen-dokumen lain sekiranya diperlukan.**